

Tandingan silat: Tujuan laporan dijelaskan

- 5 SEP 1985

PENCARI / SIUM

MINGGU lalu, *Nadi Belia* telah memberi ulasan mengenai semangat kesukanan yang harus ada dalam semua pertandingan, termasuk pertandingan silat.

Dalam laporan itu, *Nadi Belia* telah menyentuh tentang sebab-sebab pemuluan kumpulan silat Pasak dalam pertandingan silat anjuran Persisi sempena Pesta Sukan.

Kata laporan itu: "Punca pemuluan itu adalah kerana peserta Alhak, Encik Azrin, didapati telah beberapa kali membuat pukulan yang tidak dibenarkan ke atas lawannya dari kumpulan Pasak, Encik Mohamad Sohairs."

Bagaimanapun, awal sebelum

laporan itu dikeluarkan, Alhak telah pun menjelaskan kedudukan perkara tersebut.

Dalam keluaran akhbar 22 Ogos, Setiausaha alhak, Encik Johari Mokti, telah menafikan bahawa pesilatnya, Encik Azrin, telah melanggar adab kesukanan dalam perlawanan menentang Encik Sohairs.

Katanya, dakwaan bahawa Encik Azrin melakukan dua serangan ke muka lawan dalam pusingan pertama adalah tidak tepat. Sebaliknya, dia dipotong satu markah kerana satu serangan yang sah.

"Pesilat kami melepaskan tendangan yang sah ke arah dada lawan tetapi lawannya telah memegang mukanya dan wasit yang terlindung telah memberi amaran

kepada pesilat kami.

Katanya lagi: "Pesilat Sohairs dalam keadaan rebah di lantai telah membuat serangan sapuan ke arah Azrin dan ini dapat dielak.

"Dalam Azrin melangkah badan lawan, lawannya telah bangun lalu mukanya terkena lutut Azrin hingga tercedera."

Encik Johari berpendapat bahawa keputusan wasit tidak memberi potongan markah mengenai insiden itu sebagai wajar.

Nadi Belia ingin menegaskan bahawa bukanlah tujuan *Nadi Belia* untuk menyinggung atau mengecilkan hati mana-mana pihak.

Cuma, apa yang ingin *Nadi Belia* tonjolkan ialah pentingnya semangat kesukanan dalam setiap pertandingan sukan.